



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan - Bajet : Insentif Cukai Fokus Industri 4.0](#)

Utusan - Bajet : Insentif Cukai Fokus Industri 4.0

[Jumaat, Jul 21 2017](#)



Bajet: Insentif cukai fokus Industri 4.0

Oleh SHARAIMEI SHAIK
AHMEDULLAH

ekonomi@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 20 JULAI

KERAJAAN bercadang memberikan insentif cukai yang lebih berfokus bagi pembangunan Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0) dalam Bajet 2018.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, langkah itu selaras dengan usaha kerajaan dalam mempromosi industri berteknologi tinggi bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

"Pemberian insentif ini termasuk kepada sektor industri yang terbabit dalam bidang automasi, pembangunan robotik, data besar dan sebagainya yang kini sedang dipromosikan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Fokus Bajet 2017: Menggalakkan Pelaburan Sektor Swasta di sini hari

ini.

Mesyuarat kali pertama diadakan itu melibatkan kumpulan fokus yang terdiri daripada pemain industri, dewan perniagaan, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dalam pada itu, Johari berkata, insentif cukai yang diberikan itu adalah bagi menarik lebih banyak pemain industri berkecimpung dan melaburkan modal mereka dalam Industri 4.0.

Mengulas komen beberapa pihak yang mengatakan pelabur tempatan tidak boleh terlalu teruja dengan pasaran China yang besar, beliau berkata, semua negara di dunia tidak boleh lari daripada berurusan dengan China dan Amerika Syarikat.

Katanya, ini kerana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarikat dan China masing-masing bernilai lebih AS\$18 trilion (RM75.6 trilion) dan AS\$11



JOHARI ABDUL GHANI

trilion (RM46.2 trilion).

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak hanya memberi tumpuan terhadap kedua-dua negara tersebut, malah turut mempunyai hubungan perdagangan yang baik bersama negara-negara ASEAN, Eropah, Jepun, Korea Sela-

tan dan lain-lain.

Sementara itu, ditanya adakah China kini menjadi pilihan utama sebagai pelabur asing di negara ini, beliau berkata, pelaburan dari negara tersebut adalah berfokus dan sesuai dengan keperluan projek pembangunan negara pada masa kini.

"Kalau kita lihat, China kini aktif membuat pelaburan di banyak negara dan mereka datang ke Malaysia untuk membuat pelaburan khusus dalam projek pembangunan yang diperlukan negara," katanya. 6745 AN 21 17



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

